

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
KAWASAN : SEKIJANG
TARIKH : 3 OGOS 2017
NO. SOALAN : 191

SOALAN

TUAN ANUAR BIN ABD MANAP minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan bagi memastikan syarikat pengeluar kereta nasional Proton akan terus berkembang maju walaupun selepas termeterainya kerjasama strategik dan pengambil alihan saham oleh syarikat Geely.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama strategik di antara PROTON dan Geely, sebuah syarikat automotif dari negara China telah diumumkan pada 23 Jun 2017. Kerjasama strategik ini memberi impak yang positif kepada industri automotif negara selain dari membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

Menurut DRB-HICOM, syarikat Geely telah dipilih berdasarkan kepada tawaran yang diberikan adalah paling menguntungkan PROTON termasuk dari segi kesesuaian strategi, operasi dan kewangan serta budaya kerja.

Dari tahun 1984 sehingga sekarang, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan yang merangkumi pinjaman mudah (*soft loan*) dan geran R&D serta pengecualian cukai dan insentif-insentif galakan cukai dalam usaha memacu PROTON menjadi lebih berdaya saing.

Dengan termeterainya perkongsian strategik bersama Geely, perancangan seterusnya adalah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti transformasi ke atas PROTON bagi memulihkan perniagaannya. Ini termasuk:

- a) pemindahan teknologi automotif termasuk perkongsian platform dan pengetahuan pengurusan bagi membolehkan PROTON meraih skala-ekonomi yang lebih besar untuk bersaing di pasaran dan antarabangsa;
- b) mengembangkan perniagaan PROTON di pasaran antarabangsa terutamanya di rantau ASEAN, Asia Barat dan Afrika Utara sehingga mencapai jualan sebanyak 500,000 unit setahun dalam tempoh 10 tahun; dan
- c) meningkatkan nilai jenama PROTON sebagai kereta nasional dengan keupayaan pertumbuhan yang tidak terhad dan mensasarkan pertambahan pekerja sehingga 20,000 orang dalam tempoh 10 tahun.

Sebarang keputusan yang akan diambil oleh DRB-HICOM merupakan pertimbangan dan keputusan perniagaan yang mengambil kira kedudukan daya saing PROTON pada masa sekarang dan masa hadapan termasuklah kebajikan warga kerja dan vendor tempatan.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ia mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,000 orang pekerja PROTON, hampir 240 vendor serta hampir 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam "*supply chain*" PROTON.

Sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk kepentingan para pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
[SEKIJANG]**

SOALAN : 192

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan semasa projek landasan berkembar kereta api yang antara Gemas dan Johor Bahru dan apakah terdapat apa-apa kekangan yang dihadapi pihak Kementerian dalam pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kontrak Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru telah dianugerahkan kepada syarikat daripada Negara China iaitu CRCC CREC CCCC Consortium Sdn. Bhd.. Tempoh pembinaan yang ditetapkan adalah selama 48 bulan bermula 1 Disember 2016 sehingga 30 November 2020. Status kemajuan projek terkini adalah seperti berikut:

- i. Proses pengambilan balik tanah dan bayaran pampasan telah selesai sepenuhnya.
- ii. Kerja perobohan setingan masih berjalan.
- iii. Kerja memuktamadkan rekabentuk terperinci sedang giat dilaksanakan.
- iv. Kerja fizikal di tapak dijangka mula pada September 2017.